

## RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini.

Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi

### Insurans Property Pro

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi bangunan, mesin, stok & lain-lain daripada kerugian atau kerosakan akibat; kebakaran, kilat, letusan, banjir atau mana-mana peril yang disebutkan di dalam Polisi ini termasuk tiga manfaat nilai tambah (Bukan Tarif)

#### 2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Polisi ini melindungi kerugian atau kerosakan kepada harta anda akibat kebakaran, kilat, petir, dan bahaya (peril) yang disebutkan di dalam Jadual Polisi ini dan juga mengandungi tiga manfaat nilai tambah (Bukan Tarif):

- Kecurian Stok dalam Dagangan, Barang Dagangan dan/atau Isi Kandungan akibat Kebakaran  
*Manfaat tambahan ini akan menyediakan perlindungan bagi kehilangan harta benda akibat kecurian semasa dan selepas berlakunya kebakaran di premis anda.*
- Perlindungan Sementara  
*Manfaat tambahan ini akan meliputi kos yang semestinya dan munasabah ditanggung untuk pengatup sementara, pengandangan atau mengambil perkhidmatan untuk melindungi premis anda berikutan kerugian atau kerosakan pada harta anda.*
- Penjejakkan Kebocoran Air  
*Manfaat tambahan ini akan membayar sebarang kos tambahan yang ditanggung kerana mencari dan mengesan sumber pelepasan air dari mana-mana Tangki Air, Radas atau Paip yang mengakibatkan kerugian atau kerosakan kepada properti yang diinsuranskan.*

#### 3. Berapakah premium yang harus saya bayar?

Polisi ini adalah polisi tahunan. Jumlah premium yang perlu dibayar bergantung kepada jenis penghunian/pembinaan premis anda.

#### 4. Selain daripada premium and Cukai Kerajaan (yang berkenaan), apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Komisen yang dibayar kepada agen insurans (jika ada)	15% daripada Premium Kasar
Duti Setem	RM10.00

#### 5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

##### Kontrak Insurans Pengguna

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

##### Kontrak Insurans Komersial

- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

## 6. Apakah pengecualian penting dibawah Polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian seperti:

- Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung diakibatkan oleh bahan senjata nuklear
- Gempa bumi, letusan gunung berapi atau konvulsi alam semula jadi
- Taufan, angin puting beliung, siklon atau gangguan atmosfera yang lain
- Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara
- Penindasan, pemberontakan, revolusi, tentera atau rampasan kuasa, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau sebarang peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau penyelenggaraan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan.
- Apa-apa tindakan keganasan

*Nota:* Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada sampel polisi kontrak untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.

## 7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis kepada The Pacific Insurance Berhad dengan syarat tiada tuntutan yang dibuat semasa tempoh insurans ini. Selepas pembatalan, apa-apa pemulangan bayaran premium akan berdasarkan pada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kontrak polisi.

## 8. Apakah yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting bahawa anda memberitahu The Pacific Insurance Berhad tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

## 9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans Property Pro, anda boleh hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau layari [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:-

The Pacific Insurance Berhad  
40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.  
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)  
Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Talian bebas tol: 1800 88 1629  
E-mel: [customerservice@pacificinsurance.com.my](mailto:customerservice@pacificinsurance.com.my) Laman Web: [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my)

## 10. Apakah lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang diberikan oleh The Pacific Insurance Berhad?

Sila rujuk di cawangan atau ejen kami untuk mengetahui lain-lain jenis perlindungan insurans yang serupa.

## 11. Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

.....  
Tandatangan

### NOTA PENTING:

1. Anda harus membaca dan memahami Polisi Insurans dan berbincang dengan Ejen Insurans atau hubungi The Pacific Insurance Berhad untuk maklumat lanjut.
2. Maklumat yang diberikan dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah pada 7 Dec 2020.
3. The Pacific Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia